

**AMANAT TAHUN BARU Y.B. MENTERI KESIHATAN  
DI PERHIMPUNAN PAGI PADA 5 JANUARI 2010**

**“KESIHATAN TUNJANG PEMBANGUNAN NEGARA”**

---

Y.B. Datuk Rosnah Shirlin binti Haji Abdul Rashid Shirlin  
Timbalan Menteri Kesihatan Malaysia

Y. Bhg. Dato' Sri Dr. Hj. Mohd Nasir bin Mohd Ashraf  
Ketua Setiausaha Kementerian

Y. Bhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Hj. Mohd Ismail Merican  
Ketua Pengarah Kesihatan

Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha

Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Datuk-Datuk, Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati  
sekalian.

Selamat Pagi dan Salam 1Malaysia,

1. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Tahun Baru kepada semua warga Kementerian Kesihatan dan berharap semua berada dalam keadaan sihat. Dalam kita melangkah ke tahun baru ini, saya berharap ianya akan memberi suntikan semangat baru kepada kita semua dalam menunaikan tanggungjawab dan menghadapi cabaran-cabaran yang bakal kita tempuhi pada tahun ini.

2. Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua anggota Kementerian di pelbagai peringkat jawatan yang telah bersara sepanjang tahun 2009. Sesungguhnya, sumbangan yang telah mereka curahkan adalah tidak ternilai. Semoga mereka dikurniakan dengan kesihatan yang baik dan berjaya dalam lapangan baru yang mereka ceburi.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

3. Mengimbas kembali tahun 2009, saya merasakan banyak perkara dan cabaran yang telah ditempuhi sepanjang tahun. Antaranya ialah **kemelesetan ekonomi global** yang berpunca daripada krisis kewangan di Amerika Syarikat. Walaupun keadaan ekonomi global kini telah beransur pulih, namun ia masih belum menunjukkan tanda pemulihan yang kukuh. Kerajaan di bawah kepimpinan Y.A.B. Perdana Menteri terus komited untuk membawa Malaysia keluar dari belenggu kemelesetan ekonomi dunia. Ini dapat kita lihat melalui pelaksanaan dua **Pakej Rangsangan Ekonomi** berjumlah RM67 bilion yang telah memberi kesan positif kepada ekonomi negara pada suku terakhir tahun lepas.

4. Dalam pada itu, **Bajet 2010** yang diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 23 Oktober tahun lepas juga merupakan asas kepada pembentukan model ekonomi baru bagi memastikan rakyat negara ini tidak terus terperangkap dalam kelompok berpendapatan sederhana. Selain itu, bajet tahun ini juga terus memberi perhatian dan penekanan kepada kesejahteraan rakyat, iaitu selaras dengan gagasan 1Malaysia.

5. Sebagai sebuah Kementerian yang bertanggungjawab ke atas kesihatan dan kesejahteraan rakyat, pada tahun ini Kementerian Kesihatan telah diluluskan peruntukan berjumlah **RM14.8 bilion** yang merangkumi perbelanjaan mengurus sebanyak RM11.2 bilion dan perbelanjaan pembangunan sebanyak RM3.6 bilion. Peruntukan tersebut telah menunjukkan **peningkatan sebanyak 7.6%** berbanding tahun sebelumnya (RM13.2 bilion). Peruntukan yang diterima oleh Kementerian juga adalah kedua tertinggi (tidak termasuk Kementerian Kewangan) dan merangkumi **7.7% daripada peruntukan Persekutuan** berbanding dengan 6.6% pada tahun 2009 dan 7.2% pada tahun 2008.

6. Walaupun secara keseluruhannya peruntukan kementerian telah meningkat, namun **peruntukan mengurus** telah **dikurangkan sebanyak 2.2%** iaitu daripada RM11.4 bilion pada tahun 2009 kepada RM11.2 bilion. **Peruntukan pembangunan** pula telah **meningkat sebanyak 57.0%** iaitu daripada RM2.3 bilion pada tahun 2009 kepada RM3.6 bilion pada tahun ini. Pengurangan peruntukan mengurus ini adalah selaras dengan **dasar perbelanjaan secara berhemah** Kerajaan di samping mengutamakan *value for money*. Dengan sumber yang terhad ini, saya berharap semua warga Kementerian dapat terus melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi, produktif dan efisien tanpa menjejaskan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai.

7. Seperti yang tuan-tuan dan puan-puan sedia maklum, tahun ini merupakan tahun terakhir bagi tempoh **RMK9**. Sehingga akhir tahun lepas, sebanyak **42 klinik kesihatan** telah disiapkan manakala 89 lagi dijangka siap dibina sebelum penghujung tahun ini. Bagi projek hospital pula, pada

masa ini terdapat **3 hospital baru dan 3 hospital gantian** sedang dalam pembinaan dengan jumlah kos sebanyak **RM2.0 bilion**. Prestasi perbelanjaan keseluruhan RMK9 Kementerian setakat ini adalah sebanyak **RM6.1 bilion** atau **57.3%** daripada jumlah peruntukan yang diterima iaitu **RM10.7 bilion**. Saya ingin menyeru agar semua Bahagian berkaitan mengambil tindakan sewajarnya bagi memastikan semua perancangan yang telah dibuat untuk RMK9 disempurnakan sebelum penghujung tahun.

8. Dalam pada itu, saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan mengenai persediaan dan perancangan yang sedang dibuat oleh Kementerian untuk RMK10, di mana Kementerian Kesihatan telah dipertanggungjawabkan untuk menggaris **halatuju sektor kesihatan negara** di bawah **Teras 4 Misi Nasional** iaitu **Meningkatkan Tahap dan Kemampanan Kualiti Hidup**.

9. Setakat ini, **tiga (3) Key Results Area (KRA) peringkat Kementerian** telah dikenalpasti di bawah Teras 4 RMK10, iaitu:

**Pertama** : Transformasi Sektor Kesihatan melalui Peningkatan Kecekapan dan Keberkesanan Sistem Penyampaian Kesihatan bagi Memastikan Akses Yang Menyeluruh;

**Kedua** : Kesedaran Kesihatan dan Gaya Hidup Sihat; dan

**Ketiga** : Memperkasa Individu dan Masyarakat supaya Bertanggungjawab ke atas Kesihatan Diri.

10. Selain itu, Kementerian Kesihatan juga telah dipertanggungjawabkan untuk merangka strategi bagi membangunkan **industri perkhidmatan kesihatan negara** di bawah **Teras 1 Misi Nasional** iaitu **Meningkatkan Ekonomi Dalam Rantaian Nilai Yang Lebih Tinggi**. Industri perkhidmatan kesihatan khususnya pelancongan kesihatan telah dikenalpasti sebagai salah satu sektor yang berupaya menjana ekonomi negara. Sehubungan dengan itu, pada 3 Julai tahun lalu Kerajaan telah meluluskan penubuhan **Malaysia Healthcare Travel Council (MHTC)** bagi membangun dan mempromosikan industri pelancongan kesihatan negara. Perasmian MHTC telah disempurnakan oleh Y.A.B. Perdana Menteri pada 21 Disember lalu. Dalam pada itu, beberapa sub-sektor industri perkhidmatan kesihatan lain seperti **perkhidmatan penyelidikan berkaitan perubatan dan kesihatan** serta **perkhidmatan sokongan hospital** juga telah dikenalpasti untuk dibangun dan dipromosikan dalam tempoh RMK10.

11. Dalam konteks hubungan antarabangsa pula, seperti yang semua sedia maklum, Malaysia telahpun diberi pengiktirafan di peringkat antarabangsa apabila dipilih sebagai lokasi bagi penubuhan **Pusat Perkhidmatan Global (GSC) Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)** yang berfungsi sebagai pusat memproses urusan pentadbiran untuk pejabat-pejabat WHO di seluruh dunia. Perasmian GSC yang terletak di Cyberjaya telah disempurnakan oleh Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin bin Mohd. Yassin dan Ketua Pengarah WHO, Dr. Margaret Chan pada 23 November tahun lalu. Pada tahun ini, Malaysia akan menjadi tuan rumah kepada **Mesyuarat Jawatankuasa Pertubuhan Kesihatan Sedunia bagi Rantau Pasifik Barat ke-61** yang dijadualkan

berlangsung dari 11 hingga 15 Oktober. Mesyuarat ini dijangka akan dihadiri oleh Menteri-menteri Kesihatan daripada 37 buah negara rantau Pasifik Barat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

12. Saya sedar dan berbangga atas kesungguhan serta komitmen warga kerja Kementerian untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat walaupun terpaksa berhadapan dengan pelbagai cabaran. Ini dapat dilihat melalui kejadian **pandemik Influenza A (H1N1)** yang melanda negara tahun lalu. Berkat usaha gigih dan tindakan pantas semua pihak berkaitan, penularannya telah berjaya dikawal dalam tempoh 3 bulan. Walau bagaimanapun, menurut pihak WHO, pandemik Influenza A (H1N1) masih lagi belum reda dan **gelombang kedua** dijangka akan melanda khususnya di negara-negara beriklim sederhana di Hemisfera Utara pada musim sejuk sekarang. Sebagai langkah pencegahan, Kementerian Kesihatan telah mengagihkan **46,000 dos vaksin Influenza A (H1N1)** kepada semua petugas di barisan hadapan pada tahun lalu dan **354,000 dos lagi** akan diagihkan pada tahun ini. Kerajaan juga telah meluluskan peruntukan sebanyak **RM20 juta** bagi perolehan **simpanan ubat anti-viral**. Selain itu, aktiviti pendidikan kesihatan dan komunikasi risiko kepada masyarakat melalui saluran media perdana juga akan terus diperkukuhkan.

13. Saya juga ingin menarik perhatian tuan-tuan dan puan-puan mengenai **wabak denggi** yang sering kali menjadi isu dan perhatian masyarakat. Sehingga 28 November tahun lalu, sebanyak **37,278 kes** demam denggi telah dilaporkan. Walaupun bilangan kes yang dilaporkan

telah menunjukkan **penurunan sebanyak 12%** berbanding tempoh yang sama pada tahun 2008, saya ingin menyeru agar semua pihak berkaitan mengambil iktibar dalam melaksanakan **Pelan Strategik Kawalan dan Pencegahan Denggi Kebangsaan 2009 - 2013** bagi memerangi wabak denggi secara habis-habisan.

14. Susulan kepada siri kajian yang mendapati bahawa prevalen penyakit kronik tidak berjangkit (NCD) kian meningkat di kalangan rakyat negara ini, Kementerian kini sedang menyediakan **Pelan Strategik Kebangsaan untuk Penyakit Kronik Tidak Berjangkit**. Penyediaan pelan ini penting untuk memastikan pelaksanaan program dan aktiviti pencegahan serta kawalan penyakit NCD dapat diselaras dan diperkukuhkan. Selain itu, Kementerian juga akan menyediakan **khidmat rundingan pemakanan** yang lebih meluas melalui penempatan Pegawai Sains (Zat Makanan) di setiap klinik kesihatan di seluruh negara. Sebagai permulaan, sebanyak **51 jawatan baru Pegawai Sains (Zat Makanan)** telah diwujudkan untuk tujuan itu.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

15. Kanser pangkal rahim merupakan kanser kedua tertinggi di kalangan wanita negara ini. Kerajaan peka dan prihatian terhadap keperluan wanita di negara ini serta menghargai sumbangan mereka kepada pembangunan sosio-ekonomi negara. Berikutan itu, mulai dari tahun ini Kementerian akan melaksanakan **Program Pelalian Vaksin *Human Papillomavirus* (HPV)** untuk **remaja perempuan Tingkatan Satu dan mereka yang berumur 13 tahun** dengan jumlah peruntukan sebanyak **RM130 juta**. Saya berharap

dan menyeru agar kumpulan ini dapat tampil ke hadapan untuk mendapatkan pelalian ini yang diberikan secara percuma.

16. Selain itu, saya percaya tuan-tuan dan puan-puan telahpun sedia maklum bahawa pada tahun lepas, peruntukan **Amaran Kesihatan Bergambar** bagi setiap kotak dan karton rokok telah dilaksanakan setelah **Peraturan-Peraturan Kawalan Hasil Tembakau (Pindaan) 2008** diwartakan. Selain amaran kesihatan bergambar, terdapat 2 lagi peruntukan tambahan iaitu penetapan **Harga Minimum Rokok** telah dikuatkuasakan mulai 1 Januari 2010 dan juga **larangan penjualan rokok dalam bungkusan kurang dari 20 batang (*kiddy packs*)** yang akan dikuatkuasakan bermula 1 Jun 2010. Ini menunjukkan bahawa Kementerian serius dalam usaha untuk membendung tabiat merokok dan mengalakkan gaya hidup sihat di kalangan masyarakat.

17. Dalam konteks kebajikan dan peluang kerjaya warga Kementerian pula, beberapa penambahbaikan telah dilaksanakan sepanjang tahun lalu. Antaranya ialah pewujudan Skim Perkhidmatan Pegawai Penyediaan Makanan; penambahbaikan Skim Perkhidmatan Penolong Jururawat di mana Penolong Jururawat diberi opsyen tukar lantik ke Skim Perkhidmatan Jururawat Masyarakat; pemanjangan Bayaran Insentif Merawat Pesakit Jiwa, Tibi dan Kusta kepada Jururawat Masyarakat; pemanjangan Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) kepada anggota KKM; kenaikan kadar Bayaran Insentif Pentadbiran Hospital dan juga kenaikan kadar Bayaran Insentif Pegawai Kesihatan Awam. Selain itu, sepanjang tahun lalu seramai **6,531 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional**, dan **4,100 pegawai Kumpulan Sokongan** telah diberi

kenaikan pangkat dan pemangkuan. Dengan penambahbaikan dan pengiktirafan diberikan itu, saya berharap ia akan menjadi pendorong kepada semua warga Kementerian untuk terus memberikan perkhidmatan yang lebih cemerlang kepada masyarakat.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Pada tahun ini, Kementerian akan menjalankan **Kaji Selidik Kesihatan Pergigian Kebangsaan bagi Orang Dewasa** yang melibatkan 14,500 orang awam di seluruh negara. Kaji selidik yang akan dijalankan ini bertujuan untuk menentukan hala tuju dan merangka strategi kesihatan pergigian negara. Dalam pada itu, bagi memastikan tahap keselamatan makanan di negara ini terus terpelihara, **Pelan Tindakan Keselamatan Makanan Kebangsaan 2010 - 2020** yang komprehensif telah diluluskan oleh Majlis Keselamatan Makanan dan Pemakanan Kebangsaan (MKMPK) pada 19 November tahun lalu.

19. Saya menghargai usaha dan sumbangan semua pihak dalam penyediaan dokumen-dokumen tersebut dan menyedari akan keperluan pelan-pelan tindakan sebegini bagi membolehkan semua pihak berkepentingan maklum akan halatuju, strategi dan juga tindakan yang akan diambil oleh Kementerian dalam mengatasi isu-isu yang telah dikenalpasti. Namun, apa yang ingin saya lihat dan titikberatkan ialah komitmen dalam aspek pelaksanaan dan pemantauan supaya dokumen yang telah disediakan itu benar-benar memberi manfaat dan impak kepada masyarakat serta negara.

20. Akhir kata, sekali lagi saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua warga Kementerian Kesihatan kerana telah menjalankan tugas dengan penuh dedikasi dan komited sepanjang tahun lepas. Di tahun baru ini, marilah kita bersama-sama menanam azam baru dan menyahut segala cabaran yang bakal kita tempuhi dengan mendokong gagasan **“1Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan”**.

Sekian, terima kasih.